

10 APR 2000
Mahathir-G77

DR MAHATHIR AKAN BERADA DI HAVANA MENGHADIRI SIDANG KEMUNCAK SELATAN

Oleh: E. Sivabalan

HAVANA, 10 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual tiba di sini pada Selasa untuk menghadiri sidang kemuncak Selatan yang pertama Kumpulan 77 (G77).

Sidang kemuncak itu diadakan ketika banyak negara membangun baru pulih daripada krisis ekonomi mereka sementara sebahagian lagi negara masih bergelut daripada kesan buruk globalisasi dan hutang luar yang banyak.

Sidang kemuncak dua hari itu yang bermula Rabu, akan memberikan "peluang yang jarang didapatkan bagi Malaysia membangkitkan kebimbangan kita terhadap proses globalisasi," kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Kita juga akan berkongsi pengalaman dalam menangani krisis kewangan antarabangsa dan pengurusan ekonomi.

"Yang paling penting ia (sidang kemuncak) memberikan kita, sebagai satu kumpulan, peluang untuk merencanakan arah dan strategi bagi masa depan negara-negara membangun dalam G77," kata menteri itu dalam bahagian terakhir interviu bertulis dengan Bernama.

Syed Hamid, yang dijadual tiba lewat hari ini berkata Malaysia "amat komited kepada objektif mengukuhkan dan meningkatkan perpaduan Selatan.

"Ini akan membolehkan kita meneruskan matlamat bersama dan menggunakan pengaruh tegas dalam menentukan arah masa depan sistem ekonomi antarabangsa," katanya.

G77, yang dibentuk pada 1964 oleh 77 negara membangun, setakat ini mempunyai 133 anggota termasuk China.

Syed Hamid berkata Malaysia berharap sidang kemuncak itu akan menjadi forum penting bagi negara-negara membangun menggerakkan usaha bersama untuk meletakkan Selatan pada peranan barunya dalam memenuhi permintaan dan realiti ekonomi global.

"Di sebalik sidang kemucak ini, Malaysia berharap isu-isu perdagangan dan reformasi kewangan antarabangsa akan ditangani termasuk pengwujudan sistem yang lebih saksama," katanya.

Syed Hamid berkata Malaysia akan mengambil peluang pada sidang kemuncak ini untuk menekankan terhadap perlunya bagi memperbaharui sistem kewangan antarabangsa, terutama pengaturan dana lindung nilai dan institusi yang menanggung beban hutang yang banyak.

Dr Mahathir dijadual berucap pada sidang kemuncak itu pada Rabu. Beliau juga dijadual mengadakan perbincangan dua hala dengan para pemimpin beberapa buah negara pada acara sampingan sidang kemuncak itu.

Ini merupakan lawatan kedua Dr Mahathir ke Cuba. Kunjungan pertamanya ialah pada 1997 dan mengadakan perbincangan dengan Presiden Cuba Fidel Castro.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, pejabat perdana menteri mengesahkan Dr Mahathir akan berlepas ka Havana pada pukul 10, Isnin malam.

Menurut penganjur sidang kemucak itu, kira-kira 65 pemimpin dijangka menghadiri persidangan itu bersama wakil-wakil 50 lagi negara anggota dan 80 pertubuhan antarabangsa, termasuk setiausaha agung PBB Kofi Annan.

Sidang kemuncak itu akan dipengerusikan oleh Presiden Nigeria Chief Olusegun Obasanjo, sebagai pengerusi G77.

Obasanjo berkata di sini pada Jumaat bahawa sidang kemuncak ini akan memberikan peluang yang tepat pada masanya untuk mengukuhkan kerjasama di kalangan negara anggota, mendefinisikan semula hubungan Utara-Selatan dan peranan Selatan dalam sistem dagangan dunia dan mencari jalan menghadapi cabaran teknologi baru.

Sidang kemuncak itu akan didahului dengan mesyuarat pegawai-pegawai kanan dan menteri luar G77.

Ia juga dijangka akan menghasilkan Program Tindakan dan Deklarasi

Havana.

-- BERNAMA

ES RON